



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN

**KURSUS CONTINUING TOURISM
RELATED EDUCATION**

GARIS PANDUAN
KURSUS CONTINUING TOURISM RELATED EDUCATION 2025

1. TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan ini adalah untuk menjelaskan syarat-syarat kelayakan dan prosedur pemohonan serta pelaksanaan Kursus CTRE kepada calon dan pelaksana kursus.
- 1.2. Objektif garis panduan ini adalah untuk:
 - 1.2.1. menjelaskan syarat-syarat kelayakan kepada pemandu pelancong berlesen untuk mengikuti Kursus CTRE;
 - 1.2.2. memastikan prosedur pelaksanaan kursus difahami dengan jelas dan dipatuhi sepenuhnya oleh calon dan pelaksana kursus; dan
 - 1.2.3. menjadi panduan seragam kepada semua calon dan pelaksana kursus.

2. PENGENALAN

- 2.1 Kursus CTRE merupakan kursus berterusan berkaitan industri pelancongan yang dilaksanakan bagi menambahkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pemanduan pemandu pelancong berlesen di bawah MOTAC.
- 2.2 Calon perlu menghadiri kursus dengan jayanya sebagai pra-syarat memperbaharui lesen pemanduan.
- 2.3 Kursus/latihan yang boleh dilaksanakan sebagai Kursus CTRE adalah seperti berikut:
 - i. ceramah;
 - ii. kelas/kuliah;
 - iii. bengkel;
 - iv. seminar;
 - v. kursus;
 - vi. acara;
 - vii. sesi dialog;
 - viii. sesi libat urus;
 - ix. aktiviti sosial;
 - x. pembelajaran dalam talian; atau
 - xi. lain-lain program yang relevan

3. TAFSIRAN

ATTIM	Persatuan Institut-Institut Latihan Pelancongan Malaysia
BPI	Bahagian Pembangunan Industri
BPPP	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
CF	<i>Certified Facilitator</i>
CTRE	<i>Continuing Tourism Related Education</i>
ILP	Institut Latihan Pelancongan
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MOPP	<i>Manual of Policies and Procedures</i>
MTGC	<i>Malaysian Tourist Guides Council</i>
PB	Pusat Bertaualiah
RSTG	<i>Regional Specific Tourist Guides</i>

4. PERANAN MAJLIS PEMANDU-PEMANDU PELANCONG MALAYSIA (MTGC) DAN PERSATUAN INSTITUT-INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN MALAYSIA (ATTIM)

- 4.1. Bertanggungjawab menyelaras pemohonan Kursus CTRE oleh mana-mana pelaksana kursus;
- 4.2. Bertanggungjawab mengeluarkan kod Kursus CTRE setelah permohonan diluluskan oleh MOTAC;
- 4.3. Bertanggungjawab untuk menyemak, menyelaras dan memastikan permohonan adalah lengkap, teratur dan memenuhi syarat sebelum dikemukakan kepada BPI, MOTAC untuk kelulusan;
- 4.4. Bertanggungjawab membangunkan MOPP dengan persetujuan MOTAC;
- 4.5. Bertanggungjawab menjalankan audit dan menyediakan sistem yang relevan terhadap pengajuran CTRE oleh pelaksana berdasarkan MOPP bagi memastikan kesahihan dan keberkesanan kursus; dan

- 4.6. Bertanggungjawab memantau, mengumpul dan menyusun maklumat berkenaan semua CTRE yang dijalankan oleh pelaksana. Laporan lengkap hendaklah dikemukakan kepada MOTAC secara bulanan bagi memastikan ketelusan, penyelarasan dan pematuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan.

5. PELAKSANAAN KURSUS

5.1. Pelaksana Kursus

- 5.1.1. Pelaksana kursus terdiri daripada institusi berikut:
- i. Majlis Pemandu-Pemandu Pelancong Malaysia (MTGC)
 - ii. Persatuan-persatuan Pemandu Pelancong
 - iii. Institut Latihan Pelancongan (ILP)
- 5.1.2. Pelaksana kursus secara permohonan khas terdiri daripada institusi berikut:
- i. Pejabat MOTAC Negeri
 - ii. Kerajaan Negeri
 - iii. Agensi Awam/Swasta
- 5.1.3. Mana-mana pelaksana kursus hendaklah mendapatkan kelulusan penganjuran kursus daripada BPI dan Kod CTRE sebelum pelaksanaan.
- 5.1.4 Cadangan bagi pelaksanaan Kursus CTRE di luar negara (*international cross border*) perlu dikemukakan kepada BPI untuk pengesahan dan kelulusan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum kursus dilaksanakan.

5.2. Tanggungjawab Pelaksana Kursus

- 5.2.1 Pelaksana kursus perlu memastikan perkara berikut:
- i. pelaksanaan kursus mematuhi kelulusan yang telah dikeluarkan oleh MOTAC;
 - ii. tajuk dan pengisian kursus latihan lebih mendalam dan berbeza daripada modul pembelajaran Kursus Asas Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3), Kursus RSTG Sabah/Sarawak (Tahap 3), Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat atau Kursus Hos Komuniti Setempat;

- iii. memantau, menyelia dan menguruskan pentadbiran kursus melibatkan:
 - penyediaan lokasi kursus bersesuaian;
 - kelengkapan bilik ceramah;
 - penceramah, tajuk dan kandungan kursus seperti yang diluluskan; dan
 - memantau pelaksanaan kursus.
- iv. memastikan calon mematuhi kod etika berkaitan; dan
- v. memastikan calon hadir sepenuhnya kursus yang dianjurkan.

5.3 Yuran Kursus

Yuran kursus adalah di bawah penetapan pelaksana kursus.

5.4 Kaedah dan Tempoh Kursus

5.4.1 Kaedah pelaksanaan kursus boleh dilaksanakan secara dalam talian, dalam atau luar kelas dengan tempoh minimum pelaksanaan kursus seperti berikut:

- 5.4.1.1 Dalam talian – *Online* (2 jam)
- 5.4.1.2 Dalam kelas – *Indoor* (3 jam)
- 5.4.1.3 Luar kelas – *Outdoor* (4 jam)

**Tempoh kursus adalah melibatkan sesi pembelajaran sahaja dan tidak termasuk masa pendaftaran dan masa rehat.*

6. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 6.1. Pemohon hendaklah merupakan pemandu pelancong berlesen di bawah MOTAC.
- 6.2. Pemohon hendaklah mengikuti kursus melalui pendaftaran dengan mana-mana pelaksana kursus seperti di Perenggan 5.1.1 atau 5.1.2.

7. PROSEDUR PEMOHONAN

7.1 Permohonan Kursus Melalui MTGC atau ATTIM

- 7.1.1 Prosedur ini digunakan bagi pelaksana kursus seperti di Perenggan 5.1.1.
- 7.1.2 Permohonan **hendaklah** menggunakan borang dengan templat *standard* yang ditetapkan sahaja.
- 7.1.3 Permohonan beserta dokumen lengkap hendaklah dikemukakan secara terus kepada MTGC atau ATTIM sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pelaksanaan kursus.

**templat borang dan tatacara permohonan hendaklah menepati syarat ditetapkan dalam MOPP
- Sila rujuk MTGC atau ATTIM*

- 7.1.4 Butiran-butiran berikut perlu dilampirkan bersama borang pemohonan:
 - i. *Curriculum vitae* (CV) penceramah yang telah disemak dan disahkan oleh pelaksana yang dilengkapi dengan nama, maklumat perhubungan, pekerjaan terkini, latar belakang akademik.
- 7.1.5 Kelulusan pemohonan Kursus CTRE adalah di bawah bidang kuasa MOTAC sepenuhnya.
- 7.1.6 Keputusan pemohonan kursus akan dimaklumkan kepada pelaksana kursus melalui MTGC atau ATTIM dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas kelulusan MOTAC.
- 7.1.7 Kursus hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat janaan Kod CTRE dan kelulusan daripada MOTAC sahaja. Sebarang pelanggaran syarat dan peraturan akan mengakibatkan pelaksanaan kursus tersebut tidak disahkan oleh MOTAC.

7.1.8 Janaan Kod CTRE

- 7.1.8.1 Setiap permohonan akan menerima Kod CTRE daripada MTGC atau ATTIM selepas kelulusan MOTAC.
- 7.1.8.2 Tempoh sah laku Kod CTRE bagi setiap permohonan adalah tiga puluh enam (36) bulan bermula dari tarikh kelulusan MOTAC.
- 7.1.8.3 Pelaksanaan kursus dengan Kod CTRE yang telah tamat tempoh adalah tidak diperakui sah.

7.2 Permohonan Kursus Kepada BPI

- 7.2.1 Prosedur ini digunakan bagi pelaksana kursus seperti di Perenggan 5.1.2.
- 7.2.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada BPI, MOTAC sekurang-kurangnya empat belas (14) hari bekerja sebelum tarikh pelaksanaan kursus bagi tujuan semakan dan kelulusan.
- 7.2.3 Butiran berikut perlu dilampirkan bersama permohonan:
 - i. surat permohonan penganjuran Kursus CTRE;
 - ii. butiran tentatif program; dan
 - iii. CV penceramah.
- 7.2.4 Kelulusan pemohonan Kursus CTRE adalah di bawah bidang kuasa MOTAC sepenuhnya.

8. PEGAWAI PEMANTAU

MOTAC akan melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan Kursus CTRE secara rawak dari semasa ke semasa mengikut butiran permohonan yang telah diluluskan.

9. SIJIL PENYERTAAN KURSUS

- 9.1 Pengeluaran sijil adalah di bawah tanggungjawab pelaksana kursus dengan menyatakan secara jelas Kod CTRE bagi setiap kursus yang diluluskan MOTAC.
- 9.2 Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan kepada calon.
- 9.3 Calon perlu mengemukakan Sijil Penyertaan Kursus CTRE kepada BPPP, MOTAC bagi tujuan memperbaharui lesen pemanduan.
- 9.4 Kehilangan atau kerosakan sijil adalah di bawah penyelarasan sepenuhnya oleh pelaksana kursus masing-masing.
- 9.5 Sijil beserta Kod CTRE akan dikeluarkan kepada pemandu pelancong berlesen sahaja. Calon yang bukan pemandu pelancong berlesen hanya akan menerima sijil penyertaan kursus sahaja.
- 9.6 Penggunaan Kod QR di atas janaan sijil CTRE oleh pelaksana kursus adalah digalakkan untuk memastikan maklumat penyertaan kursus adalah selamat dan dilindungi.

10. NOTIS PEMBATALAN

- 10.1 Garis panduan ini boleh dipinda dan ditambah baik oleh MOTAC dari semasa ke semasa.
- 10.2 Garis panduan ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan dan arahan rasmi yang telah dan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh MOTAC.
- 10.3 Jika terdapat sebarang percanggahan arahan atau peraturan bagi butiran atau perkara yang sama di antara kandungan garis panduan ini dengan kandungan garis panduan/arahan/peraturan yang telah dikeluarkan sebelumnya, maka kandungan garis panduan ini hendaklah digunakan.
- 10.4 Garis panduan pelaksanaan Kursus CTRE 2020 adalah dibatalkan.

11. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa pada 30 Julai 2025.